International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525



INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)
www.gaexcellence.com/ijemp

TRANSFORMASI DIGITAL DALAM PERKHIDMATAN AR-RAHNU SEBAGAI PEMANGKIN KETERANGKUMAN KEWANGAN DAN PEMERKASAAN EKONOMI USAHAWAN WANITA

DIGITAL TRANSFORMATION IN AR-RAHNU SERVICES AS A CATALYST FOR FINANCIAL INCLUSION AND THE ECONOMIC EMPOWERMENT OF WOMEN ENTREPRENEURS

Salimah Yahaya[1]*, Shahir Akram Hassan[2], Surita Hartini Mat Hassan[3], Sakinatul Raadiyah Abdullah[4], Che Khadijah Hamid[5], Tengku Atikah Engku Fauzi[6]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Malaysia
salimahyahya@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-9088-8976
[2]Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia
shahirakram@usm.my https://orcid.org/0000-0003-0466-0623
[3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, Malaysia
suritahartini@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-0998-5374
[4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Kedah, Malaysia
sakinatulraadiyah@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0007-1246-4741
[5]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Malaysia
chekhadijah@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0000-7304-6817
[6]Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia
tengkuatikah21@gmail.com https://orcid.org/0009-0002-3283-6809
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 03.08.2026
Revised date: 27.08.2026
Accepted date: 15.09.2026

Abstrak:

Usahawan wanita sering berdepan dengan kekangan dalam mendapatkan pembiayaan, khususnya apabila perniagaan yang diceburi berskala kecil dan dilihat berisiko oleh institusi kewangan konvensional. Dalam hal ini, pembiayaan mikro berasaskan cagaran

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Published date: 20.09.2026

To cite this document:

Yahaya, S., Hassan, S. A., Hassan, S. H. M., Abdullah, S. R., Hamid, C. K., & Fauzi, T. A. E. (2026). Transformasi Digital Dalam Perkhidmatan Ar-Rahnu Sebagai Pemangkin Keterangkuman Kewangan Dan Pemerkasaan Ekonomi Usahawan Wanita. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices, 9*(35), 508-525.

DOI: 10.35631/IJEMP.935029

melalui perkhidmatan pajak gadai merupakan salah satu alternatif bagi memenuhi keperluan modal jangka pendek. Di Malaysia, sistem pajak gadai terdiri daripada pajak gadai konvensional dan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu), dengan Ar-Rahnu menawarkan kemudahan pembiayaan yang mudah, pantas dan berlandaskan prinsip Syariah. Kajian ini bertujuan meneroka perspektif pakar terhadap potensi transformasi perkhidmatan Ar-Rahnu dalam menyokong pembangunan dan pemerkasaan usahawan wanita. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam dengan lima orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik, pengamal industri dan penggubal dasar. Data temubual ditranskripsi dan dianalisis secara tematik melalui proses pengekodan, pengkategorian, dan Pembangunan tema secara sistematik. Perisian pengurusan data kualitatif NVivo 14 digunakan bagi memudahkan penyusunan dan pengekodan data temubual tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ar-Rahnu berpotensi menjadi instrumen pembiayaan alternatif yang dapat memperluas akses usahawan wanita kepada modal secara lebih mudah dan fleksibel, di samping memastikan pembiayaan dilaksanakan selaras dengan prinsip Syariah. Selain itu, transformasi perkhidmatan melalui pendigitalan dan inovasi produk berpotensi meningkatkan kebolehcapaian pelanggan, kecekapan operasi serta pengurusan risiko. Secara keseluruhannya, transformasi Ar-Rahnu berpotensi untuk menjadi antara alternatif kewangan yang menyumbang kepada pembentukan ekosistem kewangan Islam yang lebih inklusif dengan memperkukuh akses pembiayaan, penyertaan ekonomi dan kelestarian perniagaan usahawan wanita.

Kata Kunci:

Ar-Rahnu, Kewangan Islam, Pembiayaan Mikro, Transformasi Digital, Usahawan Wanita

Abstract:

Women entrepreneurs often face challenges in accessing financing, particularly when their businesses are small-scale and perceived as high-risk by conventional financial institutions. In this context, collateral-based microfinancing through pawnbroking services represents an alternative source of short-term financing. In Malaysia, the pawnbroking system comprises conventional pawnbroking and Islamic pawnbroking (Ar-Rahnu), with Ar-Rahnu providing financing facilities that are accessible, fast, and Shariah-compliant. This study aims to explore experts' perspectives on the potential transformation of Ar-Rahnu services in supporting the development and empowerment of women entrepreneurs. A qualitative approach was adopted through in-depth interviews with five experts comprising academics, industry practitioners, and policymakers. Interview data were transcribed and thematically analyzed through a systematic process of coding, categorizing, and theme development. The qualitative data management software NVivo 14 was used to facilitate the organization and coding of the interview data. The findings indicate that Ar-Rahnu has the potential to serve as an alternative financing instrument that enhances women entrepreneurs' access to capital in a more accessible and flexible manner, while ensuring that financing is provided in accordance with Shariah principles. Furthermore, service transformation through digitalisation and product innovation has the potential to enhance customer accessibility, operational efficiency, and risk management.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Overall, the transformation of Ar-Rahnu has the potential to serve as a financial alternative that contribute to the creation of a more inclusive Islamic financial ecosystem by strengthening access to financing, women's economic participation, and business sustainability.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcllence.com

Keyword:

Ar-Rahnu, Digital Transformation, Islamic Finance, Microfinancing, Women Entrepreneurs

Pengenalan

Aktiviti keusahawanan berskala kecil telah menjadi salah satu sumber ekonomi penting negara, di samping berperanan sebagai aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan pendapatan isi rumah (Mudalige et al. 2016). Aktiviti ini juga telah menyumbang kepada usaha mengurangkan kemiskinan dalam negara. Oleh itu, pembiayaan mikro diperkenalkan bagi menyediakan sumber kewangan kepada masyarakat serta membantu mengurangkan kemiskinan melalui penglibatan dalam aktiviti produktif seperti keusahawanan (Yahaya et al., 2024). Salah satu perkhidmatan yang menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan ialah Ar-Rahnu, yang menawarkan peluang kepada usahawan kecil untuk mendapatkan dana bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Selain membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapatkan tunai dengan segera bagi memenuhi keperluan kewangan, penubuhan Ar-Rahnu juga bertujuan menyokong usahawan kecil dalam mendapatkan akses kepada pembiayaan modal (Rasmin & Markom, 2014).

Mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022, sebanyak 219,000 perniagaan berdaftar di Malaysia adalah dimiliki oleh golongan wanita (Othman, 2025). Angka ini mencerminkan bahawa wanita menjadi antara pemacu utama ekonomi negara. Walau bagaimanapun, usahawan wanita berskala kecil berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam persekitaran ekonomi semasa. Salah satu isu yang paling ketara ialah kesukaran mendapatkan pembiayaan modal. Menurut Abdullah et al. (2023), usahawan wanita mempunyai akses yang terhad kepada sumber kewangan, khususnya bagi mendapatkan modal permulaan dan mengembangkan perniagaan. Selain itu, institusi kewangan sering keberatan untuk menawarkan pembiayaan kepada usahawan wanita disebabkan oleh skala operasi perniagaan mereka yang kecil (Yahaya et al., 2026).

Walaupun terdapat skim pembiayaan mikro yang disediakan bagi menyokong usahawan wanita berskala kecil, kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai skim, kemudahan dan institusi kewangan yang sesuai untuk mendapatkan pembiayaan (Yahaya, 2017). Keadaan ini sebahagian besarnya berpunca daripada keterbatasan pendedahan dan akses usahawan kecil wanita terhadap peluang pembiayaan yang tersedia. Antara kemudahan pembiayaan yang disediakan ialah pembiayaan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA). Di samping itu, bank komersial sering berhati-hati dalam menyediakan pembiayaan kepada usahawan kecil disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk skala perniagaan yang kecil, dokumentasi yang tidak mencukupi, ketiadaan cagaran bernilai tinggi serta kegagalan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak bank (Chowdhury et al., 2018). Oleh yang

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

demikian, bank komersial sering mempersoalkan keupayaan usahawan wanita berskala kecil untuk membayar balik pembiayaan yang diberikan.

Dalam konteks Ar-Rahnu sebagai sumber pembiayaan, usahawan berskala kecil lazimnya mencagarkan barang kemas emas mereka bagi mendapatkan modal perniagaan dan menebusnya semula selepas memperoleh keuntungan daripada aktiviti perniagaan (Othman, 2015). Budaya memakai dan memiliki aset emas dalam kalangan wanita telah mendedahkan mereka kepada penggunaan emas sebagai cagaran dalam Ar-Rahnu dan menjadikan wanita sebagai ikon dalam Pembangunan Ar-Rahnu (Yahaya, 2024). Golongan wanita, khususnya, cenderung untuk mencagarkan barang kemas mereka pada awal pagi bagi mendapatkan wang tunai dengan segera untuk menjalankan aktiviti keusahawanan harian dan menebusnya semula dalam tempoh beberapa hari selepas memperoleh keuntungan (Muhamat et al., 2011). Amalan ini selaras dengan konsep Ar-Rahnu yang menyediakan pembiayaan jangka pendek. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti perspektif pakar mengenai potensi transformasi perkhidmatan Ar-Rahnu dalam menyokong usahawan wanita.

Transformasi Ar-Rahnu bermaksud berlakunya perubahan atau penambahbaikan dalam sistem, operasi dan perkhidmatan Ar-Rahnu supaya ianya menjadi lebih moden, cekap, mudah diakses dan sesuai dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan prinsip syariah. Transformasi Ar-Rahnu dalam kajian ini dilihat dari aspek digitalisasi perkhidmatan, inovasi produk, aksessibiliti dan pengurusan risiko.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam artikel ini disusun berdasarkan beberapa tema utama, iaitu: (1) pembiayaan mikro, (2) penglibatan wanita dalam skim pembiayaan mikro, (3) pembangunan keusahawanan melalui program pembiayaan mikro, dan (4) kebaikan Ar-Rahnu.

Pembiayaan Mikro

Institusi kewangan dan perbankan di Malaysia memberikan keutamaan pinjaman serta pembiayaan kepada golongan berpendapatan tinggi yang dianggap lebih berdaya saing dari segi jaminan kewangan (Lee et al., 2024). Sebaliknya, golongan berpendapatan rendah sering diketepikan daripada akses sokongan tersebut, sekaligus mengehadkan peluang mereka untuk meningkatkan taraf hidup. Keadaan ini bukan sahaja memperluas jurang antara kaya dan miskin, malah memberi implikasi negatif terhadap pembangunan ekonomi negara serta kesejahteraan sosioekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Golongan miskin akan terus terpinggir kerana mereka tidak mempunyai aset yang boleh dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman atau pembiayaan (Yahaya & Engku Fauzi, 2025).

Sistem pembiayaan mikro kredit mula diperkenalkan oleh Dr. Muhammed Yunus di Bangladesh pada tahun 1970 dengan pendekatan Grameen Bank. Pembiayaan ini semakin berkembang pesat dengan membantu golongan yang berpendapatan rendah dan golongan miskin supaya mereka dapat bersama-sama menjadi produktif melalui pembiayaan yang diberikan (Usman & Tasmin, 2016). Mengikut Goldberg, 2016), mikro kredit telah berperanan secara signifikan untuk membantu membasmi kemiskinan dan kekurangan peluang pekerjaan, selain membantu golongan miskin untuk terlibat dalam pekerjaan sendiri. Kini, terdapat lebih 1,400 institusi kewangan mikro yang disenaraikan di Microfinance Information Exchange (Ali, 2012) di serata dunia seperti India, Jepun, Sweden, Denmark termasuk Malaysia bagi

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

membantu setiap golongan rakyat di negara masing-masing (Shaarani, 2012). Sehubungan itu juga, permintaan terhadap pembiayaan mikro semakin meningkat khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Sebagai contoh, di Bangladesh, penerimaan terhadap pembiayaan mikro adalah sangat tinggi, dengan wanita mewakili 90% daripada keseluruhan peminjam (Uddin & Barai, 2016).

Penglibatan Wanita dalam Skim Pembiayaan Mikro

Penglibatan wanita dalam skim pembiayaan mikro telah lama mendapat perhatian dan terbukti signifikan. Wanita menjadi golongan penting dalam pembangunan program pembiayaan mikro berikutan tahap penyertaan mereka yang tinggi. Akses kepada pembiayaan mikro secara umumnya lebih mudah berbanding dengan bentuk pembiayaan yang lain. Usahawan berskala kecil khususnya tertarik kepada skim pembiayaan mikro Islam disebabkan oleh motivasi yang diperoleh melalui penyertaan dalam skim tersebut (Thambiah et al., 2015).

Sambutan wanita terhadap program pembiayaan mikro juga adalah sangat menggalakkan. Sonja dan Olivera (2015) mendapati bahawa pembiayaan mikro telah menyumbang kepada perkembangan keusahawanan wanita di Serbia. Pembiayaan mikro juga didapati berupaya memperkasakan wanita dengan membolehkan mereka menjadi anggota isi rumah yang lebih berdaya saing melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan (Abebe & Kegne, 2023).

Pembangunan Keusahawanan melalui Skim Pembiayaan Mikro

Di Malaysia, kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan dan kemudahan kredit kepada usahawan sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam sektor keusahawanan. Pembiayaan mikro menyediakan perkhidmatan kewangan berskala kecil kepada masyarakat yang menghadapi kesulitan kewangan (Armendariz & Labie, 2011). Pembiayaan mikro memberi manfaat kepada masyarakat berpendapatan rendah atau yang bekerja sendiri seperti dalam sektor keusahawanan (Ledgerwood, 2000). Mengikut Azamri & Ibrahim (2024), dana yang diberikan kepada usahawan kecil menerusi perkhidmatan pembiayaan mikro dapat membantu mengembangkan perniagaan dan tidak disalurkan untuk tujuan peribadi semata.

Selain itu, faktor motivasi dalam kalangan usahawan seperti yang diketengahkan oleh Thambiah et al., (2015) dikenal pasti sebagai salah satu pendorong utama kepada penyertaan usahawan kecil dalam skim pembiayaan mikro Islam. Pembiayaan mikro sememangnya telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan usahawan wanita. Hal ini disokong oleh Sonja dan Olivera (2015) yang menjelaskan peranan pembiayaan mikro dalam memajukan keusahawanan wanita di Serbia. Begitu juga, Abebe dan kegne (2023) mengatakan, pembiayaan mikro telah memperkasakan wanita, khususnya melalui pembentukan pembangunan diri yang lebih berdaya saing. Beberapa kajian turut menunjukkan bahawa wanita memberikan sambutan yang menggalakkan terhadap skim pembiayaan mikro. Sebagai contoh, Uddin dan Barai (2016) mendapati bahawa penerimaan terhadap pembiayaan mikro Islam di Bangladesh adalah tinggi, dengan wanita merangkumi 90% daripada keseluruhan peminjam.

Usahawan wanita juga tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran kewangan. Mereka sering berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan sumber pembiayaan (Nazri & Halim, 2021). Nazam et al., (2026) bersetuju yang usahawan wanita di kebanyakan negara di dunia

menghadapi banyak halangan dalam mendapatkan bantuan kewangan berbanding usahawan lelaki. Selain itu, wanita juga tidak mendapat layanan dan kepercayaan yang sama daripada bank komersial. Rani dan Sundaram (2023) turut bersetuju bahawa usahawan wanita, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar, masih berdepan dengan masalah kewangan dan memerlukan sokongan daripada program-program kerajaan. Pareek dan Bagrecha (2018) pula berhujah bahawa usahawan wanita menghadapi kesukaran khusus dalam mendapatkan pembiayaan disebabkan oleh tahap keyakinan pelabur yang rendah, yang berpunca daripada persepsi terhadap risiko perniagaan yang dikaitkan dengan perusahaan yang dikendalikan oleh wanita.

Perkhidmatan pembiayaan mikro turut mempunyai beberapa kelemahan, iaitu merangkumi prosedur birokrasi, syarat pinjaman yang ketat, keperluan cagaran dan penjamin yang tinggi serta kaedah pembayaran balik yang kompleks. Antaraya, Shahrukh dan Shaheen (2016) bersetuju bahawa pembiayaan mikro telah mengeksploitasi wanita. Impaknya, sesetengah usahawan kecil beralih kepada pemberi pinjaman tidak berlesen seperti moneylenders (along) dan pinjaman konvensional yang mengenakan faedah (riba). Permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan mikro konvensional berbanding pembiayaan mikro Islam juga merupakan isu yang signifikan, khususnya di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam (Ali, 2015). Begitu juga, Abdullah dan Ismail (2014) mendapati bahawa ketiadaan konsep tauhid dalam sesetengah institusi pembiayaan mikro telah menyebabkan usahawan mikro Muslim menolak perkhidmatan tersebut. Konsep tauhid menekankan amalan yang adil serta bebas daripada riba dan *gharar,* yang seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam perkhidmatan pembiayaan mikro, namun kejayaannya tidak dapat dinafikan. Pembiayaan mikro telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan usahawan. Penglibatan masyarakat dalam skim pembiayaan mikro lazimnya dikaitkan dengan aktiviti keusahawanan berskala kecil serta penglibatan wanita dalam mendapatkan pembiayaan melalui program-program tersebut. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh akses kepada pembiayaan mikro yang lebih mudah berbanding dengan skim pembiayaan yang lain.

Sehubungan itu, perbincangan seterusnya memberi tumpuan kepada Ar-Rahnu, iaitu salah satu produk pembiayaan mikro yang diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah melalui aktiviti yang produktif. Ar-Rahnu juga menunjukkan tahap penglibatan wanita yang tinggi. Beberapa kelebihan Ar-Rahnu dibincangkan bagi memberikan penjelasan yang tuntas mengenai produk pembiayaan mikro ini.

Kebaikan Perkhidmatan Ar-Rahnu

Beberapa pengkaji lepas bersetuju bahawa Ar-Rahnu memiliki beberapa kebaikan. Antaranya ialah Ar-Rahnu menyediakan pembiayaan kewangan dengan sistem yang adil, telus dan bebas riba (Zainol et al., 2020). Selain membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapatkan tunai dengan segera bagi memenuhi keperluan kewangan, Ar-Rahnu juga membantu usahawan kecil mendapatkan pembiayaan modal (Taha Hsni, 2023). Selain menyediakan pengurusan yang sistematik dengan transaksi gadaian yang lebih mudah dan pantas (Busari & Aminu, 2017), Ar-Rahnu tidak melibatkan prosedur birokrasi yang rumit dan tidak mengenakan syarat yang terlalu ketat kepada pengguna.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Mengikut Sha'ari dan Mat Zin (2022), Ar-Rahnu beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip Syariah iaitu bebas daripada elemen-elemen yang dilarang oleh syarak seperti tiadanya unsur riba dan gharar. Ar-Rahnu begitu istimewa kerana sesetengah institusi Ar-Rahnu masih melaksanakan akad qard al-hasan yang berkonsepkan tolong-menolong (Yahaya, 2022). Selain itu, Ar-Rahnu menyediakan pembiayaan tanpa perlu menyediakan cagaran bernilai tinggi atau penjamin (Nik Azman, 2010). Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa Ar-Rahnu mempunyai potensi yang baik untuk terus berkembang selaras dengan peningkatan keperluan masyarakat.

Berdasarkan penelitian terhadap sorotan literatur mengenai Ar-Rahnu, kebanyakannya menjelaskan berkaitan kelebihan Ar-Rahnu dalam menyediakan pembiayaan mudah dan cepat kepada masyarakat. Namun begitu, setakat yang ditemui, hampir belum ada kajian lepas yang menjelaskan perbincangan kepada digitalisasi dan produk inovasi Ar-Rahnu terutamanya dalam menyokong usahawan kecil wanita. Justeru, bertepatan dengan perkara ini, maka kajian berkaitan transformasi Ar-Rahnu menerusi digitalisasi kewangan diharap mampu menyumbang kepada perkembangan Ar-Rahnu dalam menyediakan bantuan kewangan segera kepada masyarakat berpendapatan rendah.

Metodologi Kajian

Penjelasan dalam bahagian metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, pemilihan sampel, pengumpulan data, analisis data, tema dan kod (analisis NVivo).

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian berbentuk kualitatif menerusi temu bual mendalam. Kaedah ini dilakukan untuk menilai dan menganalisis perspektif pakar mengenai potensi transformasi Ar-Rahnu sebagai instrumen pembiayaan mikro berasaskan cagaran dalam memperkasakan usahawan wanita. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penerokaan secara mendalam terhadap pengalaman, pandangan dan pengetahuan pakar dalam konteks pembangunan ekonomi masyarakat. Pendekatan ini juga membolehkan pemahaman yang lebih tepat terhadap cabaran, peluang dan cadangan berkaitan transformasi institusi (Creswell & Poth, 2018). Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga tema utama, iaitu keberkesanan Ar-Rahnu sebagai mekanisme pembiayaan alternatif, transformasi institusi melalui penambahbaikan operasi dan perkhidmatan, serta impaknya terhadap pemerkasaan ekonomi usahawan wanita.

Pemilihan Sampel

Responden dipilih menggunakan kaedah purposive sampling bagi memastikan hanya pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman secara langsung dalam bidang kewangan Islam, pembangunan keusahawanan dan operasi institusi Ar-Rahnu terlibat dalam kajian ini. Seramai lima orang pakar telah dipilih untuk memberikan pandangan mereka, yang terdiri daripada seorang sarjana agama yang berkhidmat sebagai penasihat syariah, dua orang ahli akademik yang mempunyai pengkhususan dalam kewangan Islam dan keusahawanan, serta dua orang profesional yang bekerja di institusi Ar-Rahnu.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Pemilihan responden berdasarkan kriteria tersebut membolehkan kajian memperoleh data yang relevan, mendalam dan tepat. Hal ini selaras dengan Hua (2016) yang mencadangkan bahawa saiz sampel antara lima hingga sepuluh orang pakar adalah mencukupi bagi kajian kualitatif yang melibatkan kumpulan subjek yang homogen.

Lima pakar dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman professional mereka yang relevan dengan Ar-Rahnu, pembiayaan mikro Islam, pendigitalan dan keusahawanan. Kepelbagaian latar belakang professional mereka bertujuan untuk mendapatkan perspektif yang saling melengkapi mengenai transformasi perkhidmatan Ar-Rahnu, khususnya dari segi aksesibiliti, kecekapan operasi, pendigitalan, pematuhan syariah dan pemerkasaan kewangan usahawan wanita. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan kerana kajian ini memerlukan responden yang mampu memberikan maklumat yang banyak mengenai aspek yang dikaji.

Bilangan pakar sebanyak lima orang ditentukan berdasarkan kualiti dan kuantiti maklumat yang banyak daripada responden. Kajian ini bersifat penerokaan, maka pakar-pakar yang dipilih dianggap sesuai kerana mereka memiliki pengetahuan yang khusus serta pengalaman secara langsung berkaitan aspek yang dikaji.

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual secara mendalam dan separa berstruktur. Setiap sesi temu bual direka bentuk untuk membolehkan responden berkongsi pandangan mengenai cabaran dan keperluan pembiayaan mikro bagi usahawan wanita, kelebihan dan keterbatasan Ar-Rahnu, serta cadangan bagi transformasi institusi. Cadangan tersebut turut merangkumi aspek pendigitalan operasi dan peningkatan kesedaran masyarakat. Temu bual telah direkodkan secara digital dan transkrip disediakan untuk tujuan analisis selanjutnya. Pengkaji memastikan proses pengumpulan data dilaksanakan secara beretika.

Analisis Data

Transkrip temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo versi 14 melalui analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Analisis bermula dengan proses open coding, iaitu transkrip dibaca secara berulang kali bagi mengenal pasti kod awal berdasarkan kata kunci, konsep dan pernyataan responden.

Kod yang dikenal pasti merangkumi akses kepada modal, fleksibiliti pembiayaan, pematuhan syariah, pendigitalan dan pembangunan masyarakat. Kod-kod tersebut kemudiannya disusun melalui proses axial coding untuk membentuk kategori yang lebih luas. Sebagai contoh, kategori “Aksesibiliti Pembiayaan Mikro Berasaskan Cagaran” merangkumi kod yang berkaitan dengan kemudahan mendapatkan modal dan keperluan cagaran yang minimum.

Seterusnya, proses *selective coding* atau analisis tematik dijalankan bagi mensintesiskan kategori-kategori tersebut kepada tema utama yang mewakili dapatan kajian. Tiga tema utama telah dikenal pasti, iaitu Ar-Rahnu sebagai instrumen pembiayaan alternatif, transformasi institusi melalui pendigitalan dan peningkatan perkhidmatan, serta pemerkasaan usahawan wanita dan pembangunan ekonomi masyarakat.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Tema dan Kod (Analisis NVivo)

Melalui proses analisis tersebut, beberapa kod utama telah dikenal pasti berkaitan dengan akses kepada pembiayaan, transformasi institusi, impak terhadap pemerkasaan usahawan wanita serta pembangunan ekonomi masyarakat. Kod-kod ini kemudiannya disusun secara sistematik di bawah tema-tema tertentu bagi memudahkan pemahaman terhadap pola dan hubungan antara konsep yang muncul daripada data kajian. Jadual 1 menunjukkan perincian tema utama serta kod-kod yang berkaitan yang dikenal pasti melalui analisis Nvivo.

Jadual 1: Kod dan Tema (Analisis Nvivo)

Tema	Sub-tema / Kod	Kenyataan
Ar-Rahnu sebagai instrument pembiayaan alternatif	Akses mudah kepada modal	Usahawan wanita boleh mendapatkan modal tanpa keperluan yang kompleks atau memerlukan penjamin.
	Fleksibiliti pembiayaan	Skim pembiayaan disesuaikan dengan keperluan perniagaan berskala kecil.
	Pematuhan Syariah	Semua transaksi pembiayaan bebas daripada riba dan mematuhi prinsip Syariah.
Transformasi institusi melalui pendigitalan dan penambahbaikan perkhidmatan	Pendigitalan sistem	Penggunaan teknologi untuk memproses permohonan, kelulusan dan pengurusan cagaran secara dalam talian
	Penambahbaikan operasi	Pengurusan data yang lebih sistematik dapat mengurangkan kesilapan manual dan meningkatkan kecekapan.
	Kesedaran masyarakat	Promosi dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman mengenai perkhidmatan Ar-Rahnu.
Pemerkasaan usahawan wanita dan pembangunan ekonomi masyarakat	Keupayaan perniagaan	Usahawan wanita berupaya mengurus dan mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih mampan.
	Peningkatan ekonomi masyarakat	Aktiviti produktif menyokong pembangunan ekonomi yang inklusif di peringkat masyarakat

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Sokongan institusi	Hubungan yang lebih kukuh antara institusi Ar-Rahnu dengan pelanggan..


Sumber: Analisis NVivo 14 (2026)

Jadual 1 menunjukkan tiga tema utama yang diperoleh daripada analisis temu bual menggunakan NVivo 14. Setiap tema mempunyai beberapa kod atau subtema yang menerangkan dengan lebih terperinci dapatan kajian. Tema pertama, iaitu Ar-Rahnu sebagai instrumen pembiayaan alternatif, menunjukkan bahawa Ar-Rahnu dapat membantu usahawan wanita mendapatkan modal dengan lebih mudah. Tiga perkara utama yang dikenal pasti ialah akses mudah kepada modal, fleksibiliti pembiayaan dan pematuhan terhadap prinsip Syariah. Ini bermaksud Ar-Rahnu dilihat sebagai pilihan pembiayaan yang lebih sesuai bagi usahawan kecil yang mungkin menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada bank.

Tema kedua, iaitu transformasi institusi melalui pendigitalan dan penambahbaikan perkhidmatan, menunjukkan bahawa Ar-Rahnu perlu berubah seiring dengan perkembangan teknologi. Pendigitalan sistem boleh memudahkan proses permohonan, pengurusan cagaran dan transaksi. Pada masa yang sama, penambahbaikan operasi dapat mengurangkan kesilapan dan mempercepatkan perkhidmatan. Kesedaran masyarakat juga penting supaya lebih ramai mengetahui fungsi dan kelebihan Ar-Rahnu.

Tema ketiga, iaitu pemerkasaan usahawan wanita dan pembangunan ekonomi masyarakat, menunjukkan kesan pembiayaan Ar-Rahnu terhadap usahawan dan masyarakat. Apabila usahawan wanita mendapat akses kepada modal, mereka berpeluang meningkatkan keupayaan perniagaan dan mengembangkan perniagaan secara lebih mampan. Perkembangan perniagaan ini kemudiannya boleh menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi di peringkat masyarakat. Sokongan daripada institusi Ar-Rahnu juga penting dalam memastikan proses ini dapat berlaku dengan lebih berkesan.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525



Rajah 1: Kerangka Konseptual bagi Potensi Transformasi Ar-Rahnu dalam Pembangunan Usahawan Wanita

Sumber: Analisis NVivo (2026)

Rajah 1 mempamerkan kerangka konseptual bagi potensi transformasi Ar-Rahnu dalam pembangunan usahawan wanita. Berdasarkan analisis NVivo, dapatan kajian mengetengahkan hubungan antara tiga komponen utama yang membentuk kerangka analisis yang diperoleh melalui analisis tematik menggunakan NVivo 14. Dalam rajah tersebut, Ar-Rahnu diletakkan sebagai teras instrumen pembiayaan mikro berasaskan cagaran. Peranannya dihuraikan melalui tiga elemen utama, iaitu akses yang lebih mudah kepada modal, fleksibiliti pembiayaan dan pematuhan terhadap prinsip Syariah. Elemen-elemen ini menunjukkan bagaimana Ar-Rahnu berfungsi sebagai mekanisme pembiayaan alternatif yang praktikal dan inklusif, khususnya kepada usahawan wanita yang sering menghadapi cabaran dalam mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan formal.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan Ar-Rahnu sebagai instrumen pembiayaan mempunyai hubungan yang rapat dengan transformasi institusi. Transformasi ini merangkumi pendigitalan sistem, penambahbaikan operasi serta peningkatan kesedaran masyarakat mengenai fungsi dan kelebihan Ar-Rahnu. Elemen-elemen tersebut bertindak sebagai lapisan sokongan yang dapat memperkukuh keberkesanan sistem pembiayaan. Melalui penggunaan teknologi digital dan pengurusan operasi yang lebih sistematik, institusi Ar-Rahnu dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mempercepatkan proses transaksi serta meluaskan akses kepada pelanggan yang memerlukan pembiayaan secara segera.

Seterusnya, keberkesanan instrumen pembiayaan ini dapat dilihat melalui pemerkasaan usahawan wanita dan pembangunan ekonomi masyarakat. Akses yang lebih mudah kepada modal kerja membolehkan usahawan wanita menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka secara lebih mampan dan berdaya saing. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi di peringkat masyarakat serta menggalakkan pembangunan ekonomi yang lebih inklusif.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Oleh itu, hubungan antara ketiga-tiga komponen yang ditunjukkan dalam rajah tersebut menggambarkan satu aliran yang jelas, iaitu transformasi institusi meningkatkan keberkesanan Ar-Rahnu sebagai instrumen pembiayaan mikro, yang akhirnya menghasilkan impak positif terhadap pemerkasaan usahawan wanita serta pembangunan ekonomi masyarakat secara keseluruhannya.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan dapatan berkaitan potensi transformasi Ar-Rahnu dalam pembangunan usahawan wanita, diikuti dengan perbincangan yang berasaskan data lapangan dan disokong oleh kajian-kajian terdahulu. Bagi memperjelas dapatan kajian, hasil kajian dibincangkan berdasarkan empat subtema utama, iaitu: (1) transformasi digital dalam operasi pembiayaan berasaskan cagaran, (2) aksesibiliti pembiayaan bagi usahawan wanita, (3) peningkatan kecekapan operasi institusi Ar-Rahnu, dan (4) peranan Ar-Rahnu dalam memperkasa ekonomi masyarakat.

Transformasi Digital dalam Operasi Pembiayaan Berasaskan Cagaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa transformasi digital merupakan strategi penting dalam memperkukuh operasi pembiayaan berasaskan cagaran. Kemajuan teknologi digital memberikan peluang kepada institusi kewangan untuk meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan serta memperluas akses pelanggan kepada kemudahan pembiayaan. Pendigitalan sistem perkhidmatan dilihat dapat mengurangkan kebergantungan kepada transaksi secara fizikal di premis institusi kewangan, sekali gus membolehkan pelanggan mengakses perkhidmatan kewangan dengan lebih cepat dan cekap. Perkara ini amat relevan kepada usahawan wanita berskala kecil yang sering berhadapan dengan kekangan masa dalam menguruskan perniagaan di samping tanggungjawab terhadap keluarga. Seorang responden menekankan kepentingan integrasi sistem digital bagi meningkatkan keberkesanan operasi perkhidmatan pembiayaan:

“Pelaksanaan transformasi digital, khususnya melalui pendigitalan cagaran dan sistem perkhidmatan teras, adalah sangat penting. Sebagai pelanggan institusi seperti Bank Rakyat atau MAIDAM, kita tidak lagi perlu hadir secara fizikal ke premis mereka. Memandangkan kekangan masa yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat pada masa kini, sistem sebegini perlu diintegrasikan bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.” (Responden 5)

Dapatan ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi digital berpotensi meningkatkan kecekapan operasi institusi kewangan di samping memperluas akses kepada pembiayaan bagi lebih ramai usahawan kecil dalam masyarakat. Dapatan ini selari dengan kajian Hassan dan Ali (2022) yang menegaskan bahawa pendigitalan institusi kewangan Islam dapat meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kos. Begitu juga, Rahman et al. (2023) menekankan bahawa teknologi kewangan (fintech) dapat memperluas akses kepada pembiayaan mikro bagi usahawan kecil secara lebih fleksibel dan pantas.

Aksesibiliti Pembiayaan bagi Usahawan Wanita

Dapatan kajian turut mempamerkan bahawa Ar-Rahnu menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih fleksibel dan mudah diakses oleh usahawan kecil wanita. Proses pembiayaan yang

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525
tidak terlalu bergantung kepada dokumentasi yang kompleks membolehkan golongan ini memperoleh modal kerja dengan lebih cepat. Seorang responden menyatakan bahawa:

"Ramai usahawan wanita menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman daripada bank kerana perniagaan mereka berskala kecil dan mereka sering tidak mempunyai dokumentasi kewangan yang lengkap. Ar-Rahnu membolehkan mereka mendapatkan dana dengan halangan yang lebih minimum." (Responden 1)

Dapatan ini menyokong kajian Nawai dan Mohd Shariff (2021) yang menyatakan bahawa pembiayaan mikro memainkan peranan penting dalam membantu wanita membangunkan perniagaan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka. Begitu juga, Abdullah et al. (2023) menegaskan bahawa kesukaran mendapatkan modal masih menjadi cabaran utama kepada usahawan wanita. Rentetan itu, Ar-Rahnu boleh berfungsi sebagai mekanisme penting dalam membantu mengatasi cabaran tersebut.

Peningkatan Kecekapan Operasi Institusi Ar-Rahnu

Analisis tematik NVivo menunjukkan bahawa transformasi operasi institusi melalui pendigitalan dan sistem bersepadu bukan sahaja memberikan manfaat kepada pelanggan, malah turut meningkatkan keberkesanan pengurusan institusi Ar-Rahnu. Sistem digital membolehkan data pelanggan dan rekod cagaran diuruskan secara lebih sistematik, sekali gus mengurangkan risiko kesilapan dalam proses dokumentasi serta mempercepatkan proses penilaian dan kelulusan permohonan pembiayaan. Seorang responden menyatakan:

"Dengan adanya sistem digital bersepadu, kita dapat memproses permohonan dengan lebih cepat dan mengurangkan risiko kesilapan manual, sekali gus meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan." (Responden 4)

Penemuan dapatan ini selaras dengan kajian Khan et al. (2021) yang menekankan tentang pendigitalan sistem pembiayaan mikro dapat meningkatkan kecekapan operasi institusi kewangan Islam. Begitu juga, Yusuf dan Bakar (2022) menegaskan bahawa transformasi digital adalah penting untuk memastikan institusi kewangan Islam kekal relevan dalam era ekonomi digital melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan mudah diakses oleh pelanggan.

Peranan Ar-Rahnu dalam Memperkasa Ekonomi Masyarakat

Analisis NVivo turut mempamerkan bahawa Ar-Rahnu bukan sahaja menyediakan akses kepada modal, malah berfungsi sebagai instrumen pembangunan ekonomi masyarakat. Menerusi penyediaan pembiayaan yang mudah diakses, fleksibel dan mematuhi prinsip Syariah, Ar-Rahnu dapat meningkatkan keupayaan usahawan wanita untuk menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka. Keadaan ini seterusnya memperkukuh pembangunan ekonomi yang inklusif di peringkat masyarakat, selaras dengan objektif institusi Ar-Rahnu iaitu membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin melalui aktiviti produktif (Rasmin & Markom, 2014; Othman, 2015).

Responden turut menekankan bahawa kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi Ar-Rahnu perlu dipertingkatkan, termasuk melalui promosi digital dan program latihan kepada usahawan wanita. Dalam hal ini, transformasi institusi yang

mengintegrasikan pendigitalan, penyampaian perkhidmatan yang cekap serta pendidikan pelanggan dapat meningkatkan keberkesanan Ar-Rahnu sebagai mekanisme sokongan kepada pembangunan ekonomi masyarakat.

Dapatan kajian menunjukkan Ar-Rahnu memiliki potensi yang signifikan sebagai instrumen pembiayaan mikro berasaskan cagaran yang mampu memperkasakan usahawan wanita, meningkatkan kecekapan operasi institusi serta menyokong pembangunan ekonomi yang inklusif. Analisis tematik yang dijalankan menggunakan NVivo memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai hubungan antara pendigitalan, akses kepada pembiayaan dan impak ekonomi kepada masyarakat. Dapatan ini seterusnya menyumbang kepada pengetahuan akademik dalam bidang kewangan Islam dan keusahawanan mikro.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa Ar-Rahnu berpotensi menjadi instrumen pembiayaan mikro yang strategik dalam memperluas akses modal dan memperkasakan usahawan wanita melalui pembiayaan yang mudah, fleksibel dan patuh Syariah. Potensi tersebut dapat diperkukuh melalui transformasi institusi yang merangkumi pendigitalan perkhidmatan, peningkatan kecekapan operasi, inovasi produk serta pengukuhan kesedaran masyarakat. Transformasi Ar-Rahnu ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan kebolehcapaian dan keterangkuman kewangan, malah menyokong kelestarian perniagaan serta penyertaan ekonomi wanita. Kajian ini turut memperluas literatur kewangan Islam dengan menonjolkan peranan transformasi digital dalam memperkukuh fungsi Ar-Rahnu sebagai sebahagian daripada ekosistem kewangan Islam yang lebih inklusif dan bersedia menghadapi keperluan masa hadapan. Dari perspektif praktikal, dapatan kajian memberikan implikasi kepada institusi Ar-Rahnu dan pembuat dasar untuk membangunkan perkhidmatan Ar-Rahnu yang lebih responsif terhadap keperluan usahawan wanita. Bagi institusi Ar-Rahnu, pendigitalan perkhidmatan berpotensi menyokong peluasan operasi melalui peningkatan kecekapan, pengurangan kebergantungan kepada proses manual, pengurusan data pelanggan yang lebih sistematik dan penyampaian perkhidmatan yang lebih mudah serta pantas. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menilai secara empirikal tahap penerimaan, kesediaan dan pengalaman pengguna terhadap pendigitalan perkhidmatan Ar-Rahnu bagi mengenal pasti faktor penerimaan serta cabaran yang mempengaruhi penggunaannya.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan yang diberikan.

Penyataan Pembiayaan: Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Fundamental Research Grant Scheme for Early Career Researchers (FRGS-EC/1/2024/SS01/UITM/02/38) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pernyataan Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP).

Pernyataan Etika: Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Research Ethics UiTM. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis 1] bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Penulis 2 dan 3] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Penulis 4, 5 dan 6] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 508-525

Rujukan

Abdullah, A. Muhammad, M. Z., & Rahman, M. K. (2023). Keusahawanan Wanita: Prospek dan Cabaran Masa Hadapan, Caknawan Buletin Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Diakses dari https://caknawan.umk.edu.my/keusahawanan wanita-prospek-dan-cabaran-masa-hadapan.

Abdullah, N., Muhammad, S., & Rahman, A. (2023). Challenges faced by women entrepreneurs in accessing finance: A microfinance perspective. *Journal of Entrepreneurship and Innovation, 15*(2), 45–60.

Abdullah, R., & Ismail, A. G. (2014). Al-Tawhid in Relation to the Economic Order of Microfinance Institutions. *Humanomics, 30*(4), 325-348.

Abebe, A., & Kegne, M. (2023). The Role of Microfinance on Women's Entrepreneurship Development in Wetern Ethiopia Evidence from a Structural Equation Modelling: Non -financial Service is the Way Forward. *Cogent Business & Management*, *10.*

Ali, A. E. A. S. (2015). Islamic Microfinance: Moving Beyond Financial Inclusion. *European Scientific Journal*, *11*(10), 297-310.

Ali, S.N. (Ed.). (2012). *Shari'a Compliant Microfinance (1st ed.).* Routledge.

Armendariz, B., & Labie, M. (2011). *The Handbook Mircofinance*. Word Scientific Publishing.

Azamri, K. M. & Ibrahim, M. A. (2024). Pembiayaan Mikro Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Zakat: Kajian Kes Di MAIDAM, Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, *9*(1), 1-13.

Busari, S. A., & Aminu, S. O. (2017). Application of Ar-Rahn based Microcredit Facility as an Alternative Instrument for Poverty Alleviation in Nigeria. *Journal of Islamic Finance*, *6*(1): 51-64.

Chowdhury, T. Y., Yeasmin, A., & Ahmed, Z. (2018). Perception of Women Entrepreneurs to Accessing Bank Credit. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, *8*(32), 1-16.

Goldberg, N. (2016). Poverty Eradication Through Self-employment and Livelihoods Development: The Role of Microcredit, Variations on Traditional Microcredit, and Alternatives to Microcredit. Kertas kerja dibentangkan di *United Nations Expert Group Meeting.*

Hassan, R., & Ali, M. (2022). Digitalisation in Islamic financial institutions: Enhancing service efficiency an customer satisfaction. *International Journal of Islamic Banking and Finance*, *9*(1), 23–38.

Khan, F., Hassan, R., & Rabbani, S. (2021). Impact of digitalisation on operational efficiency of microfinance institutions. *Journal of Financial Technology and Innovation*, 7(3), 112–128.

Ledgerwood, J. (2000). *Microfinance Handbook: An Institutional and Financial Perspective*. Scientific Research: An Academic Publisher.

Lee, G. H. Y., Koh, S. G. M., Chen, V., & Charwat, N. (2024). Alleviating Poverty Through 'Women of Will' Interest-Free Microcredit and Mentoring Model in Malaysia. *The International Journal of Community and Social Development*, *6*(1).

Mudalige, D., Ismail, N. A., & Abdul Malek, M. (2016). Exploratory Study on Relationship between Entrepreneur Characteristics and Dynamic Capabilities in Export SMES. *Sage Publication*, *20*(2), 113-130.

Muhamat, A. A., Rosly, H. E., & Jaafar, M. N. (2011). The Non-Muslims Response Towards Ar-Rahnu (Islamic Pawn Broking) Services: An Empirical Study on the Ar Rahnu Clients of Klang Valley, Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *IEEE Colloquium on Humanities, Science and Engineering* pada 5 & 6 Disember 2011.

Nawai, N., & Mohd Shariff, Z. (2021). Microfinance and women entrepreneurship development: A case study in Malaysia. *Asian Journal of Business and Management*, *13*(1), 30–46.

Nazam, M., Ahmed, T., Tabas, A. M., Akhtar, M. W., & Rasool, Y. (2026). Uncovering the Barriers Faces by Women Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, *20*(3), 645-676.

Nazri, N. Y., & Halim, N. (2021). Cabaran Penjaja Kecil Wanita dalam Era Pandemik Covid 19 di Perlis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, *14*, 33-40.

Nik Azman, N. H. (2010). Acceptance of Ar-Rahnu in Kelantan: Evidence from Pasar Besar Khadijah. Kertas kerja dibentangkan di *the 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW)*, University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Othman, A. (2015). Islamic pawn broking (Ar-Rahnu) as an alternative microcredit instrument for the development of micro-entrepreneurs. *International Journal of Social Economics*, *42*(10), 1012-1026.

Othman, A. (2015). *Pelaksanaan Al-Rahnu di Institusi Perbankan dan Bukan Perbankan di Malaysia.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Sains Malaysia.

Othman, N. (2025). *Wanita Juga Pemacu Ekonomi Negara.* Berita RTM. Diakses dari https://berita.rtm.gov.my/fokus/perspektif/senarai-berita-fokus/perspektif/senarai artikel/ wanita-juga-pemacu-ekonomi-negara/

Pareek, P. & Bagrecha, C. (2018). An Analysis of the Financial Challenges Faced by Women Entrepreneurs. *International Journal of Scientific & Engineering Research*, *9*(10), 1388-1403.

Rahman, A., Ismail, R., & Ahmad, F. (2023). Fintech integration in microfinance: Improving access to financing for small entrepreneurs. *Journal of Financial Inclusion Studies*, 5(2), 55–70.

Rani, V. S., & Sundaram, N. (2023). Opportunities and Challenges Faced by Women Entrepreneurs for Sustainable Development in India. *Journal of Law, and Sustainable Development, 11*(10), 1-20.

Rasmin, N. H., & Markom, R (2014). An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *The Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*, Kuala Terengganu,Terengganu on 17-19 Oktober 2014.

Rasmin, R., & Markom, R. (2014). Ar-Rahnu: A sustainable Islamic microfinance instrument for poverty alleviation in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, *3*(2), 1–10.

Shaarani, A. F. (2012). *Pembiayaan Mikro Mentransformasi Ekonomi Rakyat. Pusat Perakaunan dan Kewangan.* Diakses dari https://www.ikma.edu.my

Sha'ari, H., & Mat Zin, N. F. (2022). Konsep, Rukun & Manfaat Skim Ar-Rahnu kepada Usahawan Wanita: Concepts, Pillars & Benefits of Ar-Rahnu Scheme for Women Entrepreneurs. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, *7*(45), 129 140.

Shahrukh, R. K., & Shaheen, R. K. (2016). Microcredit in South Asia: Privileging Women"s Perceptions an Voices. *Progress in Development Studies*, *16*(1), 65-80.

Sonja, D., & Olivera, P. (2015). The Development of Micro-crediting as a Factor of Promoting Women's Entrepreneurship in Serbia. *Journal of Women's Entrepreneurship and Education*, *1*(2), 50-66.

Taha Hsni, E. N. (2023). *Perspektif Peniaga Kecil Wanita Terhadap Program Mikro Kredit Al-Rahnu MAIDAM Di Bandaraya Kuala Terengganu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Sains Malaysia.

Thambiah, S., Muthaiyah, S., & Kew, J. J. (2015). Islamic Microfinance Participation among Women Entrepreneurs in Malaysia: A Conceptual Framework. *Middle East Journal of Scientific Research*, *23*(9), 2016-2022.

Uddin, H., & Barai, M. K. (2016). Islamic Microcredit: The Case of Bangladesh. *Journal of Accounting, Finance and Economics*, *6*(1), 49-64.

Usman, A. S., & Tasmin, R. (2016). The Role of Islamic Micro-Finance in Enhancing Human Development in Muslim Countries. *Journal of Islamic Finance*, *5*(1), 53-62.

Yahaya, S., & Engku Fauzi, T. A. (2025). Penglibatan masyarakat Terengganu dalam Ar Rahnu: Satu tinjauan sosioekonomi. *E-JITU: Jurnal Institusi Teknologi UiTM*, *8*(2).

Yahaya, S. (2017). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Usahawan Kecil Muslim di Kelantan Terhadap Ar-Rahnu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Sains Malaysia.

Yahaya, S., Hamid. C.K., Abdullah, S. R., Mat Hassan, S.H., & Yasin, Y. F. (2024). Gender-based Acceptance of Ar-Rahnu Among Muslim Micro-Entrepreneurs. *Global Journal of Thaqafah (GJAT)*, Special Issues, 130-145.

Yahaya, S., Hassan, S. A., Engku Fauzi, T. A., Muhammad, H., & Ahmad Fauzi, N. A. (2026). Sustainable Collateral-Based Microfinancing as an Alternative Economic Empowerment Instrument for Women Community Entrepreneurs. Kertas kerja dibentangkan di *The 9th International Conference on Business, Economics, Social Sciences, and Humanities (ICOBEST), Universitas Komputer Indonesia (UNIKOM*), Bandung, Indonesia.

Yahaya, S. Mohd Noor, N. A., Muhammad, H., Ismail, C. Z. (2022). Qard Al-Hasan: The Concept of Helping in Al-Rahnu Financing and Its Practice In Maidam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (E-JITU)*, *5*(1), 39-45.

Yusuf, H., & Bakar, S. (2022). Digital transformation in Islamic finance: Opportunities and challenges. *Journal of Islamic Economics and Finance*, *18*(4), 89–104.

Zainol, N. A., Abd Rahman, I., & Aziz, A. (2020). Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Skim Ar-Rahnu (Skim Pajak Gadai Islam). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*(JIMK), *23*(1), 257-27